

Headline	Aida juara Gadis Melayu cekal harungi dunia penyiaran, perniagaan		
MediaTitle	Berita Harian	Language	Malay
Date	26 Jan 2017	Readership	947,000
Circulation	125,514	Color	Full Color
Section	Varsiti	ArticleSize	697 cm <sup>2</sup>
Page No	V12	PR Value	RM 71,802
AdValue	RM 23,934		



# Aida juara Gadis Melayu cekal harungi dunia penyiaran, perniagaan

Oleh Nor Azma Laila

norazma@bh.com.my

► Kota Damansara

**S**iapa sangka gadis yang dulunya pemuas kini sudah menjadi antara personaliti televisyen yang dikenali ramai dan usahawan berjaya.

Semuanya bermula apabila Khairul Noormaaidah Zali atau Aida menyertai program realiti Gadis Melayu terbitan TV9 pada 2009 sekali gus dinobatkan sebagai juara musim pertama.

Bertitik tolak daripada situ, pada 2010, sebaik menamatkan pengajian di Universiti Utara Malaysia (UUM), Khairul Noormaaidah mula berjinak-jinak dengan dunia penyiaran apabila diberi kepercayaan buat kali pertamanya menjadi pengacara bagi program Apa Ke Halnya dan berganding dengan dua nama besar dalam industri seni iaitu arwah Din Beramboi dan Os.

“Saya memang tidak sangka akan digandingkan dengan mereka berdua kerana saya adalah orang baharu dalam bidang ini. Meskipun begitu, saya banyak belajar pelbagai perkara daripada mereka dan kerja saya juga berjalan lancar kerana program itu tidak terlalu serius tetapi lebih kepada konsep santai dan bersahaja.

“Saya kemudian diberi kan peluang menjadi pengacara untuk program Madinah Ya Rasulullah, Akademi Al-Quran, Adam & Hawa dan banyak lagi.

“Bagaimanapun, selepas mendirikan rumah tangga dan melahirkan cahaya mata pertama, saya terpaksa melupakan sementara minat dalam bidang pengacaraan kerana perlu memberi tumpuan sepenuh kepada anak yang disahkan menghidap masalah jantung,” katanya ketika ditemui di sini, baru-baru ini.

Khairul Noormaaidah berhati selama dua tahun pada 2011 apabila anak sulungnya, Aida Eirdeena yang kini berusia enam tahun berdepan masalah jantung Truncus Arteriosus Type 1 (jantung kongenital) sejak dilahirkan.

Bagaimanapun, selepas anaknya kembali sihat, anak ketiga daripada sembilan adik-beradik itu kembali mewarnai dunia penyiaran apabila diberikan kepercayaan untuk mengacarkan program Nasi Lemak Kopi O.

**Kembangkan perniagaan**  
“Sepanjang mengacarkan program ini, ada satu peristiwa yang tidak dapat saya lupakan kerana memang menyentuh naluri saya sebagai seorang ibu.

Saya masih ingat ada satu slot saya menemu ramah Linda Rafar yang berkongsi mengenai penyakit yang dihadapi oleh anaknya.

“Ketika itu, ada seorang pemanggil yang berkongsi pengalaman dan rupa-rupanya pemanggil itu ialah ibu saya sendiri. Beliau berkongsi dengan penonton mengenai kepayahan dan ketabahan saya membesarakan anak pertama yang menghidap masalah jantung menyebabkan saya terlalu sedih dan menangis ketika program masih bersiaran,” kata isteri kepada pembaca berita Buletin Utama, Saiful Nizam Ismail.

Berkongsi mengenai kerjayanya dalam bidang penyiaran, Khairul Noormaaidah

berkata, Puan Sri Normala Samsudin dan Norzie Pak Wan Chik sebagai idola kerana kagum dengan bakat dan kebijaksanaan yang dimiliki mereka ketika mengendalikan ses sebuah program.

Memandangkan bidang pengacaraan kini dijadikan sebagai hobi, graduan Ijazah Sarjana Muda Komunikasi itu mengambil keputusan untuk memberi tumpuan kepada perniagaan sendiri yang ditubuhkan pada 2014 secara atas talian dan dikenali dengan nama CitrAida.

“Ketika anak sakit, saya banyak berhati di rumah. Untuk menghilangkan bosan, saya mula berniaga tudung dan baju kurung menerusi talian. Memandangkan sambutan yang diterima daripada pelanggan sangat mengalakkan, saya memilih untuk membuka butik CitrAida di Kota Damansara pada penghujung 2014.

“Bagi mengembangkan lagi perniagaan ini, saya bercadang membuka butik kafe CitrAida di Bangi yang dikenali dengan nama Succi Sushi iaitu kafe makanan ala Jepun yang menawarkan pelbagai pilihan sushi halal kerana saya memang penggemar sushi,” katanya.

Beliau berkata, dalam menjalankan perniagaan, sudah tentunya persaingan menjadi cabaran utama baik dari segi jualan makanan atau pakaian.

Headline	Aida juara Gadis Melayu cekal harungi dunia penyiaran, perniagaan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	26 Jan 2017	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Varsiti	Color	Full Color
Page No	V12	ArticleSize	697 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 23,934	PR Value	RM 71,802



**info**

→ **Dicungkil** bakat menerusi program realiti, Gadis Melayu siaran TV9.

→ **Pernah** mengacarakan program Apa Ke Halnya, Madinah Ya Rasullullah, Akademi Al-Quran, Adam & Hawa dan banyak lagi.

→ **Butik** CitraAida miliknya menjual baju kurung, jubah, anak tudung, tudung dan aksesori. Untuk Aidilfitri, Aida turut menjual kurung pesak gantung, kurung Pahang, kurung Kedah dan kurung songket, selain koleksi baju Melayu dan jubah untuk lelaki.



**profil**

**Khairul Noormaaidah Zali**

→ **Tarikh lahir:** 15 Ogos 1986  
 → **Tempat lahir:** Kuantan, Pahang

→ **Adik beradik:** Anak ketiga daripada sembilan adik-beradik

→ **Lulusan:** Diploma Bahasa Arab Kolej Islam Pahang (KIPSAS) Ijazah Sarjana Muda Komunikasi, Universiti Utara Malaysia (UUM)

Headline	Aida juara Gadis Melayu cekal harungi dunia penyiaran, perniagaan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	26 Jan 2017	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Varsiti	Color	Full Color
Page No	V12	ArticleSize	697 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 23,934	PR Value	RM 71,802



**Tudung bawal airbrush** menjadi produk utama butik CitraAida.



**Suami, Saiful Nizam** menjadi penyokong utama dalam kerjaya Khairul Noormaaidah.



Headline	Aida juara Gadis Melayu cekal harungi dunia penyiaran, perniagaan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	26 Jan 2017	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Varsiti	Color	Full Color
Page No	V12	ArticleSize	697 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 23,934	PR Value	RM 71,802



***Khairul Noormaaidah  
menunjukkan pakaian  
yang dijual di butik CitraAida.***